

NO SOALAN :164

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG
(SIBUTI)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status pembinaan Rumah Mesra Rakyat 20 buah di Kampung Sepupok (Rm1.6 juta) dan 25 buah di Kampung Ranchah (RM2 juta) yang dijanjikan pada lawatan kerja ke Bekenu pada 22 Julai 2010. Sejumlah RM5.6 juta dijanjikan bagi pembinaan 75 unit Rumah Mesra Rakyat dimana 25 unit telah dibina di Kampung Manjelin.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Syarikat Perumahan Negara Bhd (**SPNB**) telah ditubuhkan pada 21 Ogos 1997 sebagai syarikat milik penuh Menteri Kewangan

Diperbadankan (MKD) yang bertujuan menyediakan rumah mampu milik dan rumah kos rendah yang berkualiti kepada setiap keluarga di Malaysia sejajar dengan Objektif Perumahan Negara. SPNB mempunyai tiga produk perumahan yang utama, iaitu Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M), Rumah Idaman Rakyat (RIR) dan Rumah Aspirasi Rakyat (RAR).

Fokus SPNB secara amnya adalah untuk memenuhi permintaan keperluan perumahan daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana (RM750 hingga RM10,000 sebulan) melalui Program RMR1M, RIR dan RAR.

Untuk makluman Yang Berhormat, Program RMR1M merupakan satu program tanggungjawab sosial Kerajaan melalui SPNB. Fokus Program RMR1M tertumpu kepada golongan yang berpendapatan seisi rumah di antara RM750 dan RM3,000 sebulan dan memiliki tanah sendiri. Pemilikan RMR1M dihadkan kepada golongan yang belum memiliki rumah sendiri ataupun mendiami rumah yang usang atau tidak sempurna. RMR1M di Sarawak adalah berkonsepkan rumah sesebuah berkeluasan 700 kaki persegi dengan komposisi 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Pelaksanaan Program RMR1M ini adalah berdasarkan permohonan yang telah dibuat oleh penduduk bagi setiap kawasan

Parlimen di seluruh Negara.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan statistik permohonan RMR1M dari tahun 2002 sehingga 30 September 2016 bagi Negeri Sarawak, sebanyak 4,105 permohonan telah diterima sejak program RMR1M ini diperkenalkan pada tahun 2002. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,257 permohonan telah diluluskan, di mana 934 unit telah siap dibina, 119 unit di peringkat pembinaan dan 204 unit di peringkat memuktamadkan dokumen perjanjian. Sebanyak 1,317 permohonan telah ditolak kerana tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan manakala sebanyak 1,531 permohonan masih di dalam senarai menunggu.

Bagi Parlimen Sibuti, jumlah keseluruhan permohonan RMR1M yang diterima adalah sebanyak 462 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 149 permohonan telah diluluskan di mana 121 unit telah siap dibina dan 28 unit di peringkat memuktamadkan dokumen perjanjian. Sebanyak 137 permohonan telah ditolak kerana tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan manakala sebanyak 176 permohonan masih di dalam senarai menunggu.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, status pembinaan 20 unit RMR1M di Kampung Sepupok dan 25 unit RMR1M di Kampung Ranchah masih belum dilaksanakan memandangkan tapak pembangunan bagi kedua-dua kampung masih belum disediakan oleh pihak Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC).

Pada 29 September 2016, satu mesyuarat koordinasi telah diadakan oleh pihak Kementerian Perumahan Negeri Sarawak (KPNS) yang dihadiri oleh wakil HDC dan SPNB. Melalui mesyuarat tersebut, SPNB dimaklumkan bahawa pihak HDC sedang merancang untuk membangunkan kawasan tersebut melalui Skim Rumah Sejahtera, iaitu skim perumahan di bawah Kerajaan Negeri Sarawak.

Bagi isu pembinaan RMR1M di Kampung Manjelin pula, 28 unit RMR1M telah disiapkan dan tiada permohonan baru diterima setakat ini.